

SOALAN NO. : 150

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : PETANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah Akta Hakmilik Strata pindaan 2013 dapat dikuatkuasa dan dilaksanakan dan sama ada ianya akan dilaksanakan bersama dengan Akta Pengurusan Strata 2013. Apakah halangan bagi kedua-dua perundangan tersebut sehingga tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] telah diwartakan pada 7 Februari 2013. Akta A1450 akan mula berkuatkuasa di setiap Negeri pada satu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dengan kelulusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

MTN yang bersidang pada 10 Disember 2013 bersetuju supaya YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menetapkan tarikh yang bersesuaian bagi kuatkuasa Akta A1450 dengan mengambil kira antara lain penyediaan dan pewartaan Kaedah Hakmilik Strata oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) masing-masing. Adalah dijangkakan bahawa Akta A1450 akan dikuatkuasakan sebelum akhir tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 ini akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Pindaan) 2012 [Akta A1415].

Akta A1450 dan Akta 757 perlu dikuatkuasakan serentak berikut Bahagian VII Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] berkenaan dengan Pengurusan Bangunan Yang Dipecah Bahagi dan Bahagian IXA berkenaan dengan Lembaga Hakmilik Strata di dalam Akta tersebut

telah dipindahkan ke Akta 757 dibawah kawal selia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sekian, terima kasih.